

Kuiz Pelaburan PNB 2021

PNB
Permodalan Nasional Berhad



Jangan terpedaya pulangan tinggi

Pelabur perlu ada ilmu sebelum membuat pelaburan

PELABURAN dilakukan hanya kerana inginkan pulangan tinggi tanpa memahami sepenuhnya risiko yang perlu ditanggung, mungkin akan menyebabkan pelabur menanggung kerugian.

Menumpukan pulangan tanpa melihat kepada risiko kerugian antara sebab utama mengapa ramai mudah terpedaya dengan janji manis pelaburan skim cepat kaya. Kebelakangan ini, skim cepat kaya ini pula semakin

berkembang kepada pelbagai jenis skim lebih sofistikated dengan tawaran pulangan tinggi tanpa pendalaman risiko yang jelas selain dokumen dan strategi pelaburan yang kabur.

Perkara yang dicanangkan ialah pulangan tinggi hingga

berbelas peratus sedangkan risiko kerugian perlu ditanggung tidak dijelaskan dengan terperinci kepada pelabur.

Sudahnya, kita lihat banyak laporan polis mengenai penipuan dalam skim pelaburan yang mana pengan-

jurnya lari tanpa dapat kesan dan tinggallah pelabur terpinga-pinga dalam kekeliruan dan kerugian.

Faktor utama kepada masalah ini sebenarnya ialah keengganan kebanyakan daripada kita belajar mengenai pelaburan dan faktor yang mempengaruhi pulangan diberikan instrumen pelaburan berkenaan.

Sebagai contoh, lihat sahaja bagaimana ramai yang kecewa apabila Amanah Saham Bumiputera (ASB) mengumumkan dividen yang rendah, sekitar 4.25 peratus tahun lalu kerana mengharapkan pulangan yang tinggi.

Apa yang mereka tidak sedar ialah mereka langsung

tidak menanggung risiko kerugian apabila melabur dalam ASB berbanding jika melabur dalam unit amanah harga berubah atau pasaran saham.

Namun, apabila hubungan kait antara risiko dan pulangan tidak difahami, ramai pelabur mengambil keputusan untuk melabur di tempat lain yang kononnya menjanjikan pulangan tinggi, tanpa menyedari risiko mereka kehilangan wang juga adalah tinggi.

Mengapa risiko tinggi? Jawapannya ialah kerana tiada jaminan modal pelaburan tidak akan hilang, seperti mana apabila kita melabur dalam pasaran saham.

Harga seunit saham yang

dibeli boleh naik dan turun pada bila-bila masa.

Minggu ini kita untung minggu depan kita mungkin rugi bergantung kepada prestasi syarikat, pasaran saham, ekonomi negara dan dunia dan seribu satu lagi faktor yang mungkin menyebabkan harga saham se-sebuah syarikat itu naik ataupun turun.

Bagi membuat keputusan tepat dan mengelak kerugian, kita perlukan ilmu, sumber dan masa untuk merancang dan memantau pelaburan.

Mungkin pulangan adalah tinggi, namun adakah kita mempunyai semua yang diperlukan untuk meraih keuntungan berkenaan?

Tanpa ilmu, ramai memilih untuk melabur dalam pelbagai skim pelaburan yang dijaja di Internet semata-mata kerana percaya dengan pulangan luar biasa yang dijanjikan namun akhirnya menanggung kerugian hingga puluhan ribu ringgit.

#capaikemerdekaankewangan

KUIZ PELABURAN

PNB 2021

ONLINE KATEGORI UMUM

Hadiah untuk dimenangi Pertama

3x RM2,000

KEDUA 5x RM1,500

KETIGA 7x RM1,000

KEEMPAT 20x RM300

KELIMA 30x RM200

Saguhati : 100x RM100

SOALAN-SOALAN

- Abu melabur sebanyak RM10,000 dalam unit amanah ABC pada Januari 2015. Selepas 5 tahun, Abu menyemak pelaburannya dan mendapati modalnya telah berkembang kepada RM12,209. Abu dimaklumkan dia menerima purata dividen 4 peratus sepanjang tempoh 5 tahun berkenaan. Modal pelaburan Abu berkembang kerana kuasa faedah
Petunjuk: Saintis terkenal Albert Einstein menggaris kuasa ini sebagai 'Keajaiban dunia yang ke-8'
- ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabungan pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.
Petunjuk: Harga seunit kekal pada RM1.
- Wang yang disimpan di rumah atau dalam akaun simpanan tidak akan berkembang. Untuk mengembangkan wang dan melindungi nilainya daripada inflasi, kita perlu membuat
Petunjuk: Pasaran saham, unit Amanah Hartanah, Emas
- Konsep Labur dahulu baru belanja akan membolehkan seseorang melabur secara konsisten setiap bulan. Lebih mudah lagi jika kita menggunakan kemudahan pelaburan automatik untuk menetapkan pelaburan bulanan. Apakah nama kemudahan yang ditawarkan ASNB secara percuma yang membolehkan pelabur melabur secara automatik setiap bulan?
Petunjuk: myASNB
- Dua faktor ini saling berkait dalam menilai kesesuaian produk pelaburan dengan matlamat dan portfolio pelaburan yang kita inginkan. Secara umumnya, jika kita mengharapkan pulangan tinggi, kita juga perlu sanggup menanggung yang tinggi.
Petunjuk: Pendalaman/ kemungkinan menanggung kerugian

KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Umum boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line)
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan penganjur. Keputusan pemenang adalah muktamad.
- Terma dan syarat lanjut peredaran di www.asnb.com.my

Cari jawapan di sini

Imbas untuk jawab dan penyertaan

Tarikh tutup penyertaan : 31 Ogos 2021

Imbas untuk jawab dan penyertaan